**PERATURAN PEMARKAHAN**
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENDIDIKAN ISLAM SPM 2023**

| NO SOALAN | | | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| **1** | (a) | (i) | Sunatullah ialah :<br>▪ Sistem dan **peraturan** yang **ditetapkan oleh Allah** terhadap **semua makhluk** (1m) dan **tiada yang boleh** menghalang atau **mengubahnya** (1m) | 2 isi x 1 m<br>2m |
| | | (ii) | **Jelaskan** kesan memahami Sunatullah :<br>▪ Meyakini setiap yang berlaku adalah ketentuan Allah<br>▪ Mendorong seseorang / masyarakat mengkaji dan menyelidik alam.<br>▪ Membentuk diri / masyarakat yang memilki jati diri dan semangat jihad<br>▪ Melahirkan individu / masyarakat yang mampu bersikap positif. | 2 isi x 1 m<br>2m |
| | | (iii) | **Terangkan dua** pengajaran berdasarkan ayat di atas:<br>▪ Kita hendaklah **menyakini bahawa Allah pengatur** kehidupan kita (1m) **agar** kita mengikut landasan yang betul. (1m)<br>▪ Kita hendaklah m**engkaji dan menyelidiki sejarah umat** terdahulu (1m) **agar** menjadi panduan hidup kita.(1m)<br>▪ Kita hendaklah **menjauhi sikap lemah** dan mudah berputus asa ketika menerima ujian dalam kehidupan (1m) **agar** hidup diredhai Allah dunia dan akhirat. (1m)<br>▪ Kita hendaklah **menjaga keimanan** (1m) **agar** beroleh kedudukan tinggi di sisi Allah. (1m) | 2 isi x 2 m<br>4m<br><br>Isi =1m<br>Huraian=1 m |

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm



CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | **(jawapan munasabah diterima)** | |
| | (b) | (i) | Nyatakan maksud perkataan yang bergaris :<br><br><u>رَاعٍ</u> : pemimpin<br><br><u>وَالْخَادِمُ</u> : Pekerja | 2 isi x 1 m<br>2m |
| | | (ii) | **Jelaskan** nasihat Luqman al-Hakim kepada anaknya :<br>▪ Mengesakan Allah SWT.<br>▪ Berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa.<br>▪ Sentiasa bersyukur kepada Allah SWT dan menghargai kedua-dua ibu bapa.<br>▪ Setiap perbuatan (baik atau jahat) akan diberi balasan oleh Allah SWT.<br>▪ Dirikan solat.<br>▪ Laksanakan amar makruf dan nahi mungkar.<br>▪ Bersabar atas segala maksiat.<br>▪ Menjauhi sikap sombong.<br>▪ Elokkan percakapan. | 1 isi x 2 m<br>2m |
| | | (iii) | <u>**Terangkan**</u> pengajaran hadis di atas :<br>▪ Kita hendaklah menyedari bahawa <u>**setiap individu berperanan sebagai pemimpin**</u> (1m) yang akan <u>**dipertanggungjawabkan**</u> di akhirat kelak (1m)<br>▪ Kita hendaklah bertanggungjawab terhadap orang yang dipimpin(1m) dengan adil dan amanah. (1m)<br>▪ Kita hendaklah <u>**sentiasa bersifat amanah dalam pekerjaan**</u> (1m) <u>**supaya rezeki diberkati**</u> (1m) | 1 isi x 2 m<br>2m<br><br>Isi =1m<br>Huraian=1 m |

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>
<ul>
<li>Kita hendaklah <u>bertanggungjawab terhadap segala urusan keluarga</u> dan rumahtangga (1m) agar kekal <u>harmoni</u> (1m)</li>
<li>Kita hendaklah <u>berbakti kepada ibubapa</u> semasa mereka hidup atau meninggal dunia (1m) <u>kerana</u> <u>jasa</u> mereka tidak terbalas (1m)</li>
</ul>
(jawapan munasabah diterima )
</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>
Berdasarkan kenyataan akhbar di atas, bagaimanakah cara menjadi seorang pekerja yang bertanggungjawab?<br>
Rubrik Penskoran
<table>
<tr><th>Deskriptor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan pendapat sahaja</td></tr>
<tr><td>Menyatakan pendapat beserta huraian ringkas</td></tr>
<tr><td>Menyatakan pendapat beserta huraian lengkap / contoh yang menyokong isi yang diberi (kesan /sebab /punca/f aktor)</td></tr>
<tr><td>Menyatakan pendapat beserta huraian lengkap / contoh yang menyokong isi yang diberi (kesan /sebab /punca/faktor)<br>Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik.</td></tr>
</table>
<u>Contoh isi jawapan :</u> cara menjadi seorang pekerja yang bertanggungjawab?
<ul>
<li>Bekerja dengan bersungguh-sungguh</li>
<li>Amanah terhadap pekerjaan (tidak menipu)</li>
<li>Sentiasa mengingati Allah dalam setiap pekerjaan.</li>
<li>Membantu majikan meningkatkan produktiviti</li>
</ul>
</td><td>4 Markah</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td>(c)</td><td colspan="2">hukum tajwid bagi potongan kalimah yang bergaris :
<table>
<tr><th>Kalimah</th><th>Hukum tajwid</th></tr>
<tr><td>الٓرۚ</td><td>Mad Lazim Harfi Mukhaffaf</td></tr>
<tr><td>أَتُحَآجُّونَنَا</td><td>Mad Lazim Kalimi Musaqqal</td></tr>
</table></td><td>2 isi x 1 m<br>2m</td></tr>
<tr><td>2</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Apakah maksud nama Allah al-Muntaqim :<br>Maksud nama Allah al-Muntaqim ialah : Nama Allah yang menunjukkan bahwa Allah maha pembalas dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas.</td><td>1 isi x 2 m<br>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Terangkan dua balasan Allah terhadap orang yang melakukan kezaliman :<br>▪ Mendapat seksaan neraka (1m) ke atas mereka yang menolak peringatan Allah.(1m)<br>▪ Allah menimpakan azab dalam peristiwa Dukhan (1m) kerana menolak dakwah rasulullah.(1m)<br>▪ Banjir besar yang melanda kaum Nabi Nuh(1m) kerana tidak menerima ajaran Baginda(1m)<br>▪ Allah akan menarik nikmat yang diberikan (1m)kerana mereka melakukan kekufuran(1m)<br>(jawapan munasabah)</td><td>2 isi x 2 m<br>4m<br>Isi =1m<br>Huraian =1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Kaitkan jenayah di atas dengan kesan beriman kepada nama Allah SWT al-Muntaqim? (Jawapan negative)<br>Rubrik Penskoran
<table><tr><th>Deskriptor</th></tr></table></td><td>4 Markah</td></tr>
</table>



CS CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Menyatakan pendapat sahaja<br>Menyatakan pendapat beserta huraian ringkas<br>Menyatakan pendapat beserta huraian lengkap / contoh yang menyokong isi yang diberi (kesan /sebab /punca/faktor)<br>Menyatakan pendapat beserta huraian lengkap / contoh yang menyokong isi yang diberi (kesan /sebab /punca/faktor)<br>Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik.<br>**<u>Contoh isi jawapan</u>**<br>**Kaitkan jenayah di atas dengan kesan beriman kepada nama Allah SWT al-Muntaqim?**<br>▪ Mendapat balasan setimpal dari sudut perundangan<br>▪ Dipandang hina oleh masyarakat<br>▪ Mendapat kemurkaan Allah akibat mengabaikan amanah | |
| | (b) | (i) | Nyatakan sejarah kemunculan Syiah :<br>**<u>Kumpulan</u>** yang menuntut supaya **Saidina Ali bin Abu Talib ra dilantik sebagai khalifah selepas Rasulullah SAW (1m)**dan berkeyakinan bahawa **hanya Ahlulbait yang lebih layak memegang jawatan khalifah (1m).** | 2 isi x 1 m<br>2m |
| | | (ii) | **Jelaskan dua** prinsip utama Syiah yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah :<br>▪ Meyakini **al-Imamah merupakan rukun agama** (1m)<br>▪ Meyakini bahawa **imam-imam adalah maksum** (1m)<br>▪ **Menyanjung Sayidina Ali r.a secara keterlaluan** (2m) / **menyamakan dengan Rasulullah SAW.** | 2 isi x 1 m<br>2m |



CamScanner

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>
<ul>
<li>Mengamalkan taqiyyah (1m) / iaitu menyembunyikan sesuatu (1m) yang boleh membahayakan diri atau harta bendanya / dengan menampakkan sesuatu yang berbeza dengan hakikat sebenarnya.</li>
<li>Menambah nama Sayidina Ali r.a dalam syahadah selepas nama Nabi Muhammad SAW (1m)</li>
</ul>
</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>
<u>Jelaskan perbezaan</u> pandangan antara Ahli Sunnah Waljamaah dan Khawarij berkaitan isu berikut :<br>
a) Pelaku dosa besar.
<table>
<tr><th>Ahli Sunnah Waljamaah</th><th>Khawarij</th></tr>
<tr><td>Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasik jika tidak bertaubat</td><td>Pelaku dosa besar dianggap kafir</td></tr>
</table>
b) Kedudukan iman.
<table>
<tr><th>Ahli Sunnah Waljamaah</th><th>Khawarij</th></tr>
<tr><td>Iman boleh bertambah dan berkurang bergantung pada amal soleh dan maksiat yang dilakukan</td><td>Iman tidak boleh bertambah dan berkurang. Iman ada apabila melakukan kebaikan dan iman hilang apabila melakukan kemungkaran</td></tr>
</table>
</td><td>2 isi x 2 m<br>4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>
Terangkan cara mengatasi penularan ajaran Syiah :
<ul>
<li>Melengkapkan diri dengan kefahaman Islam yang sebenar (1m) agar fahaman akidah yang menyeleweng dapat ditangkis.</li>
</ul>
</td><td>1 isi x 2 m<br>2m<br><br>Isi<br>=1m</td></tr>
</table>



CS CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | ▪ Menyebarkan ajaran Islam menerusi pelbagai kaedah (1m) **seperti** media cetak,media massa, video dan sebagainya<br>▪ Bekerjasama dalam penguatkuasaan undang-undang dengan pihak yang bertanggungjawab (1m) **agar** dapat membendung fahaman akidah yang sesat daripada berleluasa (1m)<br>▪ Mengadakan program pemulihan akidah kepada mereka yang menyimpang daripada ajaran Islam sebenar (1m) **supaya** dapat kembali bertaubat<br>- Sahabat yang baik<br>- Akidah kukuh<br>- Kaji maklumat yang diterima<br>- Taubat<br>- Ilmu yang benar dikuasai<br>→ **SAKTI** | Huraian=1 m |
| **3** | (a) | (i) | Maksud haji ialah :<br>▪ Mengunjungi Baitullah pada masa tertentu (1m)/ dengan syarat tertentu untuk menunaikan ibadah tertentu.(1m) | 2 isi x 1 m<br>2m |
| | | (ii) | Jelaskan **dua** ciri berkemampuan dalam haji :<br>▪ Cukup perbelanjaan untuk mengerjakan haji dan umrah pergi dan balik.<br>▪ Cukup keperluan nafkah asas bagi orang yang dibawah tanggungan.<br>▪ Ada kenderaan pergi dan balik.<br>▪ Aman perjalanan pergi dan balik.<br>▪ Sihat tubuh badan untuk beribadah<br>▪ Wanita mesti ditemani mahram @ suami | 1 isi x 2 m<br>2m |
| | | (iii) | Jelaskan **dua** larangan dalam ihram: | 2 isi x 1 m<br>2m |



CamScanner

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>

- Memakai pakaian berjahit / menutup kepala bagi lelaki
- Memakai wangi-wangian
- Memotong kuku atau rambut
- Menutup muka bagi perempuan / memakai sarung tangan bagi perempuan
- Mencabut atau memusnahkan tumbuh-tumbuhan
- Memburu binatang di tanah haram
- Bermesraan suami isteri / melakukan persetubuhan suami isteri semasa ihram

**(jawapan umum)**
</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>

Terangkan hikmah haji dari **aspek ekonomi** :

- Meningkatkan taraf hidup umat Islam dengan menabung di tabung haji.
- Meningkatkan dana umat Islam dengan mewujudkan sumber pendapatan yang baharu.
</td><td>2 isi x 2 m<br>4m<br><br>Isi<br>=1m<br>Huraian=1<br>m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>

Nyatakan maksud solat sunat istikharah :

Solat sunat istikharah ialah **Solat sunat** yang dilakukan untuk **memohon petunjuk Allah** SWT(1m) dalam **menentukan pilihan** bagi sesuatu perkara (1m)
</td><td>1 isi x 2 m<br>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>

Hukum menunaikan solat istikharah :

**Sunat**
</td><td>1 isi x 1 m<br>1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>

Jelaskan kaifiat menunaikan solat sunat istikharah :

<table>
<tr><td>1</td><td>Niat</td><td>Lafaz niat</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Bilangan rakaat</td><td>2 rakaat</td></tr>
</table>
</td><td>3 isi x 1 m<br>3 m</td></tr>
</table>



CS CamScanner

| | | |
|---|---|---|
| 3 | Cara pelaksanaan | bersendirian |
| 4 | Bacaan dalam solat | Rakaat pertama baca Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Kafirun<br>Rakaat kedua baca Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Ikhlas |
| 5 | Menyempurnakan segala rukun solat | |
| 6 | Berdoa dengan doa yang sesuai selepas salam. | |

iv

Islam menggalakkan umatnya melaksanakan istikharah agar pilihan yang dibuat terpandu ke jalan kebaikan.

**Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas**

4 markah

.**Rubrik Penskoran**

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menyatakan isi beserta huraian ringkas | 2m |
| Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi (kesan /sebab/ punca /faktor) | 3m |
| Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi (kesan /sebab/ punca /faktor)<br>Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik | 4m |

**<u>Contoh Isi Jawapan</u>**

- Kita lebih yakin dengan pilihan



CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | ▪ Menyerahkan sepenuh pergantungan kepada Allah SWT<br>▪ Dapat mengelakkan sifat sombong dan riak<br>▪ Bukti kehambaan seorang hamba kepada tuhan | |
| 4. | (a) | (i) | Sejarah ringkas penubuhan kerajaan Umaiyah :<br>• <u>Diasaskan oleh Muawiyah bin Abu Sufian</u><br>• <u>Nama diambil sempena nama Umaiyah bin Abd Shams salah seorang pemimpin bangsa Quraisy</u><br>• Tempoh pemerintahan 91 tahun<br>• Pusat pentadbiran di Damsyik, Syria<br>• Dipimpin oleh 14 orang khalifah | 2 isi x 1 m<br>2m |
| | | (ii) | **Dua** faktor kemerosotan Kerajaan Umaiyah:<br>**AKHLAK**<br>▪ Khalifah mengamalkan cara hidup mewah dan boros dalam perbelanjaan hingga menimbulkan rasa tidak puas hati Rakyat.<br>▪ Keruntuhan moral dalam kalangan Khalifah (1m) kerana cenderung kepada hiburan dan kekejaman. | 2 isi x 2 m<br>4m |
| | | (iii) | Sumbangan khalifah berikut dalam pemerintahan Umaiyah:<br>• **Muawiyah bin Abi Sufian**<br>- Pengasas kerajaan Umaiyah<br>- Memperkenalkan cop mohor rasmi<br>- Memperkenalkan perkhidmatan poss berkuda<br>- Menjadikan Damsyik pusat pentadbiran terkenal<br>- Menubuhkan jabatan setiausaha, jabatan cukai dan pengurusan awam<br>- Memperkasa armada tenteraa laut<br><br>• **Umar bin Abdul Aziz**<br>- Mengecualikan jizyah kepada kafir zimmi hingga ramai memeluk Islam | 2 isi x 2 m<br>4m |



CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | - Mengeluarkan arahan kepada Syihab Az Zuhri untuk membukukan hadis Rasulullah SAW<br>- Membinaa rumah transit untuk para pedagang<br>- Menaiktaraf infrastruktur untuk kemudahan rakyat<br>- Mengasaskan dewan penasihat yang dianggotai para ulama untuk menasihati khalifah | |
| | (b) | (i) | Nyatakan riwayat hidup Profesor Ahmad Ibrahim :<br>▪ Nama penuh: Ahmad bin Muhammad Ibrahim<br>▪ Tarikh lahir: 15 Mei 1916<br>▪ Tarikh wafat: 18 April 1999<br>▪ Gelaran: Profesor Emeritus Tan Sri | 2 isi x 1 m<br>2m |
| | | (ii) | **Jelaskan dua** sumbangan beliau dalam bidang perundangan:<br>▪ Pengasas kuliyyah Undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.<br>▪ Ahli Panel Penggubal Enakmen Undang-undang Islam (Hudud dan Qisas) Kelantan pada tahun 1991 | 2 isi x 2 m<br>4m |
| | | (iii) | Sebagai seorang pelajar yang ingin berjaya, bagaimanakah anda boleh mencontohi Profesor Ahmad Ibrahim.<br>**Huraikan pendapat anda.**<br>**Rubrik Penskoran** | 4 Markah |

| **Deskriptor** | **Skor** |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menyatakan isi beserta huraian ringkas | 2m |



CS CamScanner

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td><table><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi (kesan /sebab/ punca /faktor)</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi (kesan /sebab/ punca /faktor)<br>Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik</td><td>4m</td></tr></table>
<u>Contoh Isi Jawapan</u><br>
▪ Belajar bersungguh-sungguh<br>
▪ Berusaha melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi<br>
▪ Menguasai ilmu hingga menjadi pakar rujuk</td><td></td></tr>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Apakah maksud wasatiyah :<br>Wasatiyah ialah <u>Pendekatan yang</u> sederhana, <u>seimbang</u>, adil <u>dan cemerlang</u> dalam <u>setiap tindakan</u>.</td><td>1 isi x 2 m<br>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Senaraikan dua prinsip wasatiyah :<br>▪ Kesederhanaan ▪ Keadilan<br>▪ Keseimbangan ▪ Kecemerlangan</td><td>2 isi x 1 m<br>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Terangkan dua hikmah tuntutan wasatiyah dalam kehidupan:<br>▪ <u>Pembangunan</u> yang menyeluruh dan <u>seimbang</u> dapat <u>diwujudkan</u>(1m) kerana <u>politik stabil</u> (1m)<br>▪ <u>Masyarakat</u> yang aman damai dan <u>bersatu dapat dibangunkan</u>(1m) kerana melakasankan <u>prinsip keadilan</u> (1m)<br>Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm</td><td>2 isi x 2 m<br>4m<br>Isi =1m<br>Huraian=1 m</td></tr>
</table>



CamScanner

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | ▪ **<u>Ekonomi</u>** masyarakat **<u>stabil</u>** (1m) **kerana <u>tiada berlaku pembaziran</u>** (1m)<br>▪ Tahap **<u>pendidikan</u>** masyarakat **<u>ditingkatkan</u>** (1m) mengikut keperluan negara(1m) | |
| | (b) | (i) | Nyatakan maksud alam sekitar :<br>Alam sekitar ialah **<u>segala benda hidup</u>** dan **<u>bukan hidup</u>** yang **<u>terdapat di sekeliling</u>** manusia. | 1 si x 2 m<br>2m |
| | | (ii) | Jelaskan **dua** adab menjaga alam sekitar :<br>▪ Sentiasa meningkatkan pengetahuan tentang alam sekitar<br>▪ Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar (1m) / tidak melakukan sebarang kerosakan.<br>▪ Sentiasa menjayakan program kemasyarakatan (1m) / gotong royong.<br>▪ Sentiasa berjimat cermat / tidak membazir (1m) / menggunakan sumber alam secara berhemah.<br>▪ Sentiasa mengamalkan cara hidup mesra alam (1m) / mengamalkan kitar semula dan menanam pokok. | 2 isi x 1 m<br>2m |
| | | (iii) | Terangkan **dua** faktor berlakunya pencemaran alam sekitar<br>▪ Sikap tidak mengambil berat masyarakat / tentang kepentingan alam sekitar.<br>▪ Kurang didikan agama sejak kecil / tentang kepentingan kebersihan dalam Islam.<br>▪ Kurang kesedaran dalam kalangan masyarakat / tentang kepentingan alam sekitar.<br>▪ Tiada kawalan dalam aktiviti pembangunan / hingga mengakibatkan berlaku bencana alam<br>**(jawapan munasabah)** | 2 isi x 2 m<br>4m<br>Isi =1m<br>Huraian=1 m |



CamScanner

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>(iv)</td>
<td>
Apakah langkah untuk menangani situasi di atas daripada terus berlaku.Berikan pendapat anda.(pencemaran / jerebu)
Rubrik Penskoran
<table>
<tr><th>Deskriptor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi beserta huraian ringkas</td></tr>
<tr><td>Menyatakan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi (kesan / sebab / punca / faktor)</td></tr>
<tr><td>Olahan jawapan tepat, jelas, releven dan menarik</td></tr>
</table>
<u>Cadangan Isi Jawapan</u>
<ul>
<li>Saling mengingati antara satu sama lain.</li>
<li>Mengajak masyarakat lain ke arah budaya menjaga alam sekitar dan memberi peringatan.</li>
<li>Membuat laporan kepada pihak berwajib untuk diambil tindakan tegas.</li>
<li>Meningkatkan ilmu agama tentang ajaran islam yang benar.</li>
<li>Mengenakan tindakan undang-undang yang tegas kepada pesalah</li>
<li>Mana-mana jawapan yang membawa kepada jerebu diterima : contoh banyak penggunaan kenderaan bermotor, pembakaran terbuka.</li>
</ul>
</td>
<td>4 Markah</td>
</tr>
</table>

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**



CS CamScanner